



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (06 JANUARI 2021)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini terdapat **lima (5) kes** positif COVID-19 yang dikesan di Daerah Kuching (2), Miri (2), dan Sibul (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,166 kes**.

A. Kes Baharu COVID-19

I. Daerah Kuching (2 Kes)

a) Saringan Individu Yang Mempunyai Kontak Kepada Kes Positif COVID-19: (1 Kes Jangkitan Tempatan)

Kes 1,162 adalah seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang telah dikesan melalui aktiviti pengesanan kes kepada individu yang mempunyai kontak rapat dengan kes positif COVID-19 melibatkan Kluster Stutong di Daerah Kuching. Kes ini telah menjalani ujian saringan COVID-19 pada 04 Januari 2021 dan didapati positif pada 05 Januari 2021. Kes tidak mempunyai pergerakan ke luar negara atau sejarah perjalanan ke kawasan berisiko tinggi di mana-mana negeri lain di Malaysia.

Kes adalah kontak tempat kerja kepada kes 1,118. Kes tidak menunjukkan tanda atau gejala dan telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan yang telah mendapat jangkitan dan pengesanan kontak-kontak lain sedang giat dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching.

b) Saringan Individu Sebelum Rawatan di Hospital: (1 Kes Import-C)

Kes 1,163 adalah seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang telah datang ke Kuching dari Miri untuk mendapatkan rawatan di sebuah hospital swasta di Bandaraya Kuching. Kes telah melakukan perjalanan menggunakan penerbangan dari Miri ke Kuching pada 04 Januari 2021.

Setibanya di Kuching, kes telah datang ke sebuah hospital dan telah menjalani ujian saringan COVID-19 sebelum menjalani pemeriksaan kesihatan. Ujian saringan kedua telah dibuat di Hospital Umum Sarawak dan didapati positif pada 05 Januari 2021.

Siasatan menunjukkan kes ini pernah mengunjungi Kuala Lumpur dari Miri pada 14 hingga 20 Disember 2020 dan telah menjalani arahan kuarantin selama 14 hari sekembalinya dari Kuala Lumpur.

Kes juga telah menjalani ujian saringan semasa dalam tempoh kuarantin tersebut pada 22 Disember 2020 dan 28 Disember 2020. Kedua-dua ujian saringan rT-PCR kes adalah negatif.

Kes juga mengadu telah mengalami gejala batuk sejak 23 November 2020. Kes ini dikategorikan kes Import C iaitu kemungkinan kes telah mendapat jangkitan semasa berada di Daerah Miri berdasarkan siasatan klinikal yang telah dijalankan. Pengesanan kontak-kontak kepada kes termasuk kontak dalam penerbangan ini sedang giat dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching dan Pejabat Kesihatan Bahagian Miri.

II. Daerah Miri (2 Kes)

a) Saringan Individu Yang Balik Dari Kawasan Berisiko Tinggi Jangkitan COVID-19: (2 Kes Import-B)

Kes 1,164 merupakan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang telah masuk ke Sarawak melalui Lapangan Terbang Miri dari Lapangan Terbang Antarabangsa Labuan pada 24 Disember 2020.

Sebelum balik ke Sarawak, kes telah menjalani ujian saringan pada 21 Disember 2020 di sebuah makmal swasta dan keputusan ujian rT-PCR kes didapati negatif bagi COVID-19. Kes telah diberikan arahan kuarantin dan dimasukkan ke pusat kuarantin serta telah menjalani ujian saringan pada 26 Disember 2020. Keputusan ujian rT-PCR kes juga didapati negatif.

Walau bagaimanapun, ujian saringan kedua rT-PCR pada 01 Januari 2021 telah didapati positif. Kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala dan telah dimasukkan ke Hospital Miri untuk rawatan lanjut. Kes dikategorikan sebagai kes import B.

Kes 1,165 adalah rakan kepada kes 1,155, 1,156 dan 1,157, seorang lelaki warga tempatan (Pahang) yang disaring bagi individu yang baru datang dari Semenanjung Malaysia. Kes telah masuk ke Sarawak melalui Lapangan Terbang Miri dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA-2) pada 31 Disember 2020. Setibanya di Lapangan Terbang Miri, kes telah diarahkan menjalani kuarantin di rumah sewa di Taman Jelita, Miri dan perlu menjalani saringan COVID-19.

Saringan COVID-19 telah dijalankan pada 02 Januari 2021 dan telah didapati positif 05 Januari 2021. Kes ini juga tidak mengalami sebarang tanda atau gejala dan telah dimasukkan ke Hospital Miri untuk rawatan lanjut. Kes-kes ini dikategorikan sebagai kes Import B.

III. Daerah Sibu (1 Kes)

a) Saringan Individu Yang Balik Dari Kawasan Berisiko Tinggi Jangkitan COVID-19: (1 Kes Import-B)

Kes 1,166 merupakan seorang wanita warga tempatan (Sarawak) yang balik ke Sibu dari Johor melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Senai ke Lapangan Terbang Sibu pada 04 Januari 2021 dan telah menjalani saringan setibanya di lapangan terbang. Kes ini bersama dua orang anaknya telah diberikan arahan kuarantin di rumah untuk menjalani kuarantin selama 14 hari dan telah dipakaikan gelang. Kes dan anak-anaknya telah diambil oleh saudara kes dari Lapangan Terbang Sibu ke rumah di Taman Satria, Sibu menaiki kenderaan persendirian.

Ujian saringan yang dijalankan pada 04 Januari 2021 didapati positif melalui ujian rT-PCR manakala anak-anaknya adalah negatif bagi ujian yang sama.

Kes tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala dan telah dimasukkan ke Hospital Sibu untuk rawatan lanjut. Kes ini masih dalam pengesanan kontak-kontak lain yang kemungkinan telah terdedah kepada kes ini. Kes dikategorikan sebagai Kes Import B.

B. Kluster Yang Masih Aktif.

Hari ini tiga (3) kluster COVID-19 yang masih aktif di Sarawak iaitu:

- I. Kluster Bah Sayap, Miri :** tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan kes kekal lima (5) kes. Sejumlah 70 individu telah disaring, dimana 42 negatif dan 23 masih menunggu keputusan makmal.
- II. Kluster Stutong, Kuching :** terdapat satu (1) penambahan kes hari ini menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada 11 kes. Sejumlah 165 individu telah disaring dimana 148 negatif dan enam (6) masih menunggu keputusan makmal.
- III. Kluster Mador, Meradong :** tiada penambahan kes hari ini. Jumlah keseluruhan kes kekal lapan (8) kes. Sejumlah 1,237 individu telah disaring, dimana 308 negatif dan 921 masih menunggu keputusan makmal.

C. Status Kes Covid-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.

Terdapat **dua (2)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini dari Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj meningkat kepada **1,081** orang atau **92.71%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **64** orang iaitu:

- 27 kes di Hospital Umum Sarawak;
- 16 kes di Hospital Miri;
- 15 kes di Hospital Sibul;
- Lima (5) kes di Hospital Bintulu; dan
- Satu (1) kes di Hospital Sungai Buloh.

Hari ini, **42 PUI** baru telah dilaporkan dan **tujuh (7) kes** PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini, **Daerah Kuching, Miri, Sibul, Bintulu, Meradong, Bukit Mabong dan Lawas kekal berstatus Kuning** dengan jumlah keseluruhan 27 kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Manakala 33 buah daerah yang lain di Sarawak berada dalam status Hijau.

2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN

Pihak PDRM telah mengeluarkan **lima (5) kompaun** di Daerah Kuching (2), Samarahan (2) dan Miri (1) kerana telah melanggar SOP.

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **74 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu SMC (24), MPP (21), DBKU (14), MD Marudi (8), MD Serian (5) dan BDA (2).

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak, Intu Sarawak

SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
06 JANUARI 2021
5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

| | | | | | |
|---------------------------|-----|-------------|---|-------|-------------|
| Cumm. Positive Cases | | 1161 | Total Cases still in ward | 64 | 5.49% |
| New Cases | | 5 | Cases in <i>Intensive Care Unit (ICU)</i> | 0 | 0.00% |
| Total Samples by Individu | | 219,207 | Intubated Cases | 0 | 0.00% |
| Cumm. Positive Cases | | 1166 | Total Death Cases | 19 | 1.63% |
| IR per 100,000 population | | 37.80 | Recovered and discharged cases | 1,081 | 92.71% |
| Lab. Results (PUI) | New | Cummulative | Patient Under Investigation (PUI) | New | Cummulative |
| Negative | 31 | 10,044 | | 42 | 11,217 |
| Pending Result | 6 | 7 | | | |

| Current Status | SGH Kuching | Hospital Sibul | Hospital Bintulu | Hospital Miri | Hospital Sungai Buloh | TOTAL |
|--|-------------|----------------|------------------|---------------|-----------------------|-------|
| Patients still in ward | 27 | 15 | 5 | 16 | 1 | 64 |
| Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i> | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Intubated cases | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Total Death Cases | 17 | 0 | 0 | 2 | 0 | 19 |
| Recovered and discharged cases | New | 2 | 0 | 0 | 0 | 2 |
| | Cummulative | 892 | 46 | 55 | 82 | 1077 |
| Total re-admission cases (<i>Re-tested Positive</i>) | 9 | 9 | 3 | 1 | 0 | 22 |

| DAERAH KUNING (7) | | | | | | | | | | | | |
|-------------------|--------------|-----------------------------|-------|--------------|------|------------|------|----------|------|---|---|--|
| No. | Daerah | Patient Under Investigation | | Kes COVID-19 | | Kes Discaj | | Kematian | | Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif) | Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari | Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari |
| | | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | | | |
| 1 | Bukit Mabong | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 1 |
| 2 | Sibu | 1 | 140 | 1 | 34 | 0 | 26 | 0 | 0 | 8 | 8 | 2 |
| 3 | Miri | 2 | 931 | 2 | 76 | 0 | 60 | 0 | 1 | 15 | 16 | 4 |
| 4 | Meradong | 0 | 39 | 0 | 4 | 0 | 0 | 0 | 0 | 4 | 4 | 3 |
| 5 | Lawas | 0 | 30 | 0 | 12 | 0 | 11 | 0 | 0 | 1 | 1 | 1 |
| 6 | Bintulu | 0 | 340 | 0 | 61 | 0 | 55 | 0 | 0 | 6 | 11 | 2 |
| 7 | Kuching | 37 | 7,594 | 2 | 751 | 1 | 714 | 0 | 12 | 25 | 26 | 14 |
| Jumlah | | 40 | 9075 | 5 | 939 | 1 | 866 | 0 | 13 | 60 | 67 | 27 |

Sumber: CPCR, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

| DAERAH HIJAU (33) | | | | | | | | | | | | |
|---------------------|---------------|-----------------------------|---------------|--------------|--------------|------------|--------------|----------|-----------|---|---|--|
| No. | Daerah | Patient Under Investigation | | Kes COVID-19 | | Kes Discaj | | Kematian | | Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif) | Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari | Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari |
| | | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | | | |
| 1 | Serian | 0 | 338 | 0 | 27 | 0 | 27 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 2 | Lundu | 0 | 262 | 0 | 8 | 0 | 7 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 |
| 3 | Limbang | 0 | 35 | 0 | 13 | 0 | 12 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 |
| 4 | Samarahan | 1 | 610 | 0 | 116 | 0 | 112 | 0 | 4 | 0 | 0 | 0 |
| 5 | Lubok Antu | 0 | 29 | 0 | 4 | 1 | 4 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 6 | Bau | 1 | 190 | 0 | 7 | 0 | 7 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 7 | Simunjan | 0 | 67 | 0 | 8 | 0 | 8 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 8 | Tanjung Manis | 0 | 23 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 9 | Tebedu | 0 | 9 | 0 | 4 | 0 | 3 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 |
| 10 | Asajaya | 0 | 46 | 0 | 7 | 0 | 5 | 0 | 0 | 2 | 2 | 0 |
| 11 | Sri Aman | 0 | 57 | 0 | 5 | 0 | 4 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 |
| 12 | Betong | 0 | 191 | 0 | 17 | 0 | 16 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 |
| 13 | Mukah | 0 | 48 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 14 | Matu | 0 | 6 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 15 | Sarikei | 0 | 93 | 0 | 6 | 0 | 6 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 16 | Saratok | 0 | 28 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 17 | Pusa | 0 | 9 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 |
| 18 | Kabong | 0 | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 19 | Julau | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 20 | Pakan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 21 | Kanowit | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 22 | Selangau | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 23 | Tatau | 0 | 9 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 24 | Sebauh | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 25 | Dalat | 0 | 15 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 26 | Daro | 0 | 7 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 27 | Kapit | 0 | 37 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 28 | Belaga | 0 | 9 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 29 | Song | 0 | 5 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 30 | Marudi | 0 | 13 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 31 | Subis | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 32 | Beluru | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 33 | Telang Usan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah | | 2 | 2,142 | 0 | 227 | 1 | 215 | 0 | 6 | 6 | 5 | 0 |
| Jumlah Besar | | 42 | 11,217 | 5 | 1,166 | 2 | 1,081 | 0 | 19 | 66 | 72 | 27 |

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **372 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **43 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **4,286 orang**. Manakala seramai **48,533 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 06.01.2021 @ 8.00 pagi)

| BIL | BAHAGIAN | HOTEL | BILANGAN PUS |
|-------------------|------------------------|-------------------------|--------------|
| 1 | Kuching (2,399) | Hock Lee | 140 |
| 2 | | Kuching Park | 114 |
| 3 | | Pullman | 332 |
| 4 | | Hilton | 316 |
| 5 | | Harbour View | 143 |
| 6 | | Riverside (Astana Wing) | 292 |
| 7 | | Grand Margherita | 285 |
| 8 | | Imperial Boulevard | 120 |
| 9 | | Tune Hotel | 47 |
| 10 | | Dormani Hotel | 48 |
| 11 | | Grand Continental | 193 |
| 12 | | Meritin | 56 |
| 13 | | Longhouse | 91 |
| 14 | | Abell | 47 |
| 15 | | Lot 10 | 35 |
| 16 | | Telang Usan | 54 |
| 17 | | Imperial Riverbank | 86 |
| 18 | Miri (1,034) | Mega Hotel | 98 |
| 19 | | Somerset | 41 |
| 20 | | Imperial Palace | 196 |
| 21 | | Eastwood Valley | 77 |
| 22 | | Imperial New Wing | 89 |
| 23 | | Paragon | 97 |
| 24 | | Meritz | 153 |
| 25 | | Miri | 36 |
| 26 | | Dynasty | 146 |
| 27 | | Kenyalang Suite | 19 |
| 28 | | Citi Hotel | 46 |
| 29 | Nova | 36 | |
| 30 | Bintulu (381) | Wasan Inn | 24 |
| 31 | | Fairfield by Marriot | 157 |
| 32 | | Kidurong Inn | 42 |
| 33 | | Motel Kapok | 56 |
| 34 | | Faber Inn | 27 |
| 35 | | AA Inn | 9 |
| 36 | | Ambassador | 66 |
| 37 | Limbang (122) | Purnama | 33 |
| 38 | | Seri Malaysia (Lawas) | 61 |
| 39 | | Mandarin (Lawas) | 28 |
| 40 | Sibu (157) | Premier | 157 |
| 41 | Samarahan (167) | INFRA | 70 |
| 42 | | Kolej Rafflesia, UNIMAS | 97 |
| 43 | Sarikei (26) | Garden Hotel | 26 |
| Jumlah PUS | | | 4,286 |

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **tiga (3) lokasi di Sarikei (1), Mukah (1) dan Miri (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,139 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 06.01.2021 @ 8.00 pagi)

| BIL | BAHAGIAN | OPERASI SEMASA | OPERASI TERKUMPUL |
|---------------------------|-----------------|-----------------------|--------------------------|
| 1 | Kuching | TIADA | 719 |
| 2 | Miri | 1 | 443 |
| 3 | Sibu | TIADA | 203 |
| 4 | Samarahan | TIADA | 139 |
| 5 | Sarikei | 1 | 123 |
| 6 | Bintulu | TIADA | 121 |
| 7 | Limbang | TIADA | 98 |
| 8 | Serian | TIADA | 72 |
| 9 | Betong | TIADA | 60 |
| 10 | Sri Aman | TIADA | 54 |
| 11 | Kapit | TIADA | 54 |
| 12 | Mukah | 1 | 53 |
| Jumlah Keseluruhan | | | 2,139 |

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **43 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 06.01.2021 @ 8.00 pagi)

| BIL | BAHAGIAN | LOKASI |
|---------------|-----------------|---------------|
| 1 | MP Padawan | 1 |
| 2 | MD Serian | 3 |
| 3 | MP Sibu | 9 |
| 4 | BDA | 2 |
| 5 | MCC | 15 |
| 6 | MD Marudi | 5 |
| 7 | MD Lawas | 8 |
| Jumlah | | 43 |